



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### SIRI JELAJAH 'MYSTARTUP ROADSHOW' BAKAL KE PULAU PINANG

---

**PUTRAJAYA, 18 Mei 2022** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menganjurkan Siri jelajah 'MYStartup Roadshow' menerusi agensi di bawahnya, Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) bagi meneruskan kesinambungan momentum dan usaha dalam mewujudkan sebuah ekosistem *start-up* yang terangkum dan kondusif pada 23 dan 24 Mei 2022 di Pulau Pinang.

Siri jelajah kali ini merupakan sebahagian daripada usaha memastikan komuniti *start-up* di luar kawasan Lembah Klang untuk sama-sama terlibat dan mendapat manfaat daripada acara-acara pemeraksanaan *start-up* melalui Program MYStartup. Program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba dan Bahagian Dana MOSTI.

Pulau Pinang merupakan lokasi ketiga siri jelajah MYStartup dan akan dijayakan dengan sokongan rakan teknikal setempat seperti Digital Penang, Invest Penang, Universiti Sains Malaysia (USM), Microsoft Malaysia, Digital Nasional Berhad (DNB), SIRIM Berhad dan Future Lab.

Program MYStartup yang dilancarkan pada Februari 2022 yang lalu terdiri daripada beberapa program bertujuan memperkasakan ekosistem dan komuniti *start-up* di Malaysia melalui pengisian yang menumpukan kepada pembangunan serta perkembangan *start-up* secara mampan serta pembangunan kapasiti dan modal insan.

Kerjasama antara MOSTI, Cradle dan pemegang taruh Ekosistem *Start-up* Malaysia dalam siri jelajah ini menunjukkan iltizam MOSTI dalam memmanifestasikan usaha dan komitmen Kerajaan bagi memastikan Keluarga Malaysia mendapat manfaat daripada usaha pemerkasaan dan pembangunan *start-up* negara. Melalui usaha ini juga, impian menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama bagi para pengasas dan syarikat luar untuk bertapak serta memulakan operasi mereka di negara ini dapat direalisasikan, sekali gus merancakkan lagi ekonomi negara.

'MYStartup Roadshow' yang bakal dihadiri barisan *start-up* dari Pulau Pinang dan negeri-negeri berdekatan akan mengetengahkan *start-up* jemputan seperti Piktochart, Easy Parcel, Niagawan, Neptrix dan Havva Agrotech semasa sesi ramah mesra pada hari kedua program.

Sepanjang program ini berlangsung, pelbagai program akan dilaksanakan antaranya sesi penerangan berkenaan Pelan Hala Tuju Ekosistem *Start-up* (SUPER), kaedah-kaedah penyertaan program bagi para *start-up*, kriteria-kriteria bagi memohon geran, pepadanan perniagaan dengan dana bersesuaian, sesi *networking* dan pelbagai bengkel.

Turut dijadualkan berlangsung semasa siri jelajah ini adalah acara 'MYStartup Meet & Pitch' yang menyediakan ruang untuk *start-up* jemputan membuat pembentangan (*pitching*) secara langsung kepada para pelabur yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat modal teroka (*venture capital*) serta pelabur-pelabur mangkin.

Sesi pepadanan perniagaan (*business matching*) antara *start-up* dengan para pelabur juga akan diadakan dalam usaha membantu *start-up* meningkatkan peluang mereka untuk menarik pelaburan baharu, serta meluaskan perhubungan sesama pelabur dan *start-up* yang lain. Selain itu, para *start-up* turut berpeluang mendapat manfaat daripada sesi perkongsian oleh pakar industri yang dijemput khas sebelum sesi *pitching* mereka. Tema yang bakal ditampilkan pada edisi 'MYStartup Meet & Pitch' kali ini adalah **Teknologi Baharu Muncul dan Elektrikal & Elektronik (E&E)**.

Pihak Cradle berbesar hati menjemput para *start-up* yang berada di Pulau Pinang dan negeri-negeri berhampiran untuk turut serta di acara MYStartup Roadshow pada ketetapan berikut:

**Tarikh** : 23 dan 24 Mei 2022  
**Masa** : 9:00 pagi hingga 6:00 petang  
**Lokasi** : Think City, Wisma Yeap Chor Ee, Pengkalan Weld  
10200 George Town, Pulau Pinang

Maklumat lanjut mengenai ekosistem *startup* Malaysia, program-program yang bakal dianjurkan Cradle dan juga maklumat berkenaan hentian siri jelajah 'MYStartup Roadshow', *start-up*, pelabur, pemain industri dan pembina ekosistem sila layari dan mendaftar di platform MYStartup di [www.mystartup.gov.my](http://www.mystartup.gov.my).

**# TAMAT #**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**18 MEI 2022**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Emily Clarice Joannes  
Pegawai Penerangan  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)  
03-88858299  
[emily@mosti.gov.my](mailto:emily@mosti.gov.my)

Ali Baizuri Razali  
PR & Media  
Cradle Fund Sdn. Bhd.  
011-63295400  
[ali.baizuri@cradle.com.my](mailto:ali.baizuri@cradle.com.my)